

09 JAN 1999

MAHATHIR-RUNDINGAN

MAHATHIR ADAKAN RUNDINGAN DENGAN KETUA MENTERI TAMIL NADU

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Tamil Nadu M. Karunanidhi mengadakan satu perbincangan ringkas hari ini yang berkisar sekitar usaha mempertingkatkan hubungan antara Malaysia dan wilayah negara India itu.

Dalam kegawatan kewangan dan ekonomi serantau, mereka mendapati hubungan antara Tamil Nadu dan Malaysia berjaya, kata seorang pegawai Wisma Putra, Datuk Syed Norulzaman, kepada pemberita selepas pertemuan di Jabatan Perdana Menteri di sini.

"Perdana Menteri dan Ketua Menteri itu gembira dengan kerjasama antara Tamil Nadu dan Malaysia, khususnya dalam bidang ekonomi. Banyak kegiatan yang berjalan sekarang," katanya.

Karunanidhi, yang diiringi oleh isterinya Rajathi Ammal dan Menteri Kesihatan dan Tenaga Arcot N. Veerasamy, tiba di sini pada hari Selasa untuk lawatan selama tiga hari ke Malaysia.

Syed Norulzaman berkata semasa pertemuan selama 20 minit itu, Dr Mahathir melahirkan harapan Malaysia untuk melihat pembabitan dan kerjasama yang lebih besar syarikat-syarikat negara ini dalam kegiatan ekonomi di Tamil Nadu, khusus dalam bidang-bidang yang banyak menggunakan tenaga manusia.

Sehubungan itu, katanya, Karunanidhi menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia supaya meneroka peluang-peluang dalam pembangunan pelabuhan dan pengangkutan dari segi pembinaan jalan raya dan lebuh raya.

"Karunanidhi juga mahu penglibatan Malaysia yang lebih besar dalam sektor minyak sawit," tambah Syed Norulzaman.

Menurut beliau, Dr Mahathir juga telah dipelawa untuk menyertai satu persidangan teknologi maklumat yang akan diadakan di Chennai bulan depan.

Pada keseluruhannya, dagangan Malaysia dengan India telah meningkat kepada RM8.006 bilion pada akhir November 1998 daripada RM5.441 bilion pada tahun 1997 dan menguasai 1.2 peratus daripada dagangan Malaysia di seluruh dunia.

Malaysia telah melabur sejumlah RM1.715 bilion dalam sektor-sektor prasarana dan pembuatan di India.

-- BERNAMA

AA KY MA